

Pemuda UMNO sumbang RM50,000 kepada Radio Palestin

KUALA LUMPUR 20 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO menyumbang RM50,000 kepada Stesen Radio Palestin All For Peace untuk terus menyiarkan program-program keamanan di Palestin dan Israel.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, sumbangan itu merupakan usaha Pemuda dalam memastikan keamanan dapat dicapai di Palestin yang kini dihimpit kekejaman Zionis.

"Sumbangan ini sebagai sokongan kita kepada Palestin dalam memperjuangkan keamanan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar majlis Sumbangan Pergerakan Pemuda UMNO kepada stesen itu di Menara Dato Onn di sini semalam.

Cek sumbangan diserahkan kepada Pengarang Radio Palestin All For Peace, Maysa Baransi dan Pegawai Perhubungan Awam Hubungan Antarabangsa Radio Palestin All For Peace, Faris Arouri.

Hishammuddin berkata, Pemuda UMNO akan mengumpulkan baki semua tabung yang pernah ditubuhkan dan disalurkan kepada Palestin.

"Setelah itu, gerakan besar-besaran mencari keamanan di Palestin akan dilaksanakan supaya rakyat Palestin faham mereka tidak berseorangan.

"Kita (Pemuda) bersama mereka. Golongan muda di sana jangan berputus asa kerana kita akan membantu mereka," kata beliau.

Sehubungan itu beliau berjanji untuk tidak mengecewakan rakyat Palestin yang kini beralih ke Malaysia bagi mendapat sokongan dalam memperjuangkan keamanan.

"Mereka (Palestin) sudah bosan dengan Barat, kini mereka beralih ke Timur dan kita akan membantu mereka," jelasnya.

Stesen Radio All For Peace merupakan pertubuhan sukarela memperjuang dan menyuarakan mesej-mesej keamanan dengan 52 peratus pendengar adalah penduduk Israel, 35 peratus penduduk Palestin dan selebihnya penduduk negara lain.

Stesen radio itu pada mulanya mendapat bantuan kewangan dari Amerika Syarikat dan Eropah, namun setelah Hamas mengambil alih pemerintahan Palestin, bantuan kewangan dihentikan.